

KHUTBAH JUMAAT

“JIWA MERDEKA, PERADABAN UMMAH TERBINA”
(28 Ogos 2026M/ 15 Rabiulawal 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Berilah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan daripada segala perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat kita seperti berbual-bual dan bermain-main dengan telefon. Mudah-mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat Jumaat.

Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib ingin mengajak para jemaah untuk menghayati erti sebuah kemerdekaan, bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan yang kita akan sambut beberapa hari lagi. Sesungguhnya, nikmat kebebasan daripada cengkaman penjajah adalah anugerah yang amat besar kurniaan Allah *subhanahu wata'ala* yang wajib kita syukuri dengan penuh

kesedaran dan tanggungjawab. Justeru, khutbah yang akan dibicarakan pada hari ini bertajuk “**Jiwa Merdeka, Peradaban Ummah Terbina.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kemerdekaan bukanlah sekadar laungan "Merdeka" atau pengibaran Jalur Gemilang semata-mata. Lebih daripada itu, kemerdekaan adalah lambang kebebasan sebuah bangsa daripada penjajahan fizikal, minda, dan kebudayaan. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ (٧)

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur, aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan jika kamu kufur (ingkar), sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.*

Imam al-Baghawi *rahimahullah* ketika menafsirkan ayat tadi menjelaskan bahawa orang yang bersyukur kepada nikmat Allah *subhanahu wata'ala* dengan beriman dan taat kepada-Nya, maka pasti Allah *subhanahu wata'ala* akan menambahkan lagi nikmat kepadanya. Imam al-Qurtubi *rahimahullah* pula menukilkan beberapa makna kepada tambahan nikmat itu antaranya ialah bertambahnya limpah kurnia, pahala dan ketaatan.

Ayat tadi mengingatkan kita bahawa nikmat kemerdekaan yang dinikmati selama ini mesti diiringi dengan kesyukuran. Bersyukur

kepada Allah *subhanahu wata'ala* atas anugerah keamanan, kestabilan, dan keharmonian tanah air ini bukan hanya melalui ucapan di lisan, tetapi diterjemahkan juga melalui amal perbuatan, menjaga perpaduan, dan memelihara kedaulatan negara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Menghayati Hari Kebangsaan menuntut kita untuk memiliki jiwa merdeka. Jiwa merdeka adalah jiwa yang bebas daripada apa sahaja bentuk perhambaan kepada selain daripada Allah *subhanahu wata'ala* sama ada perhambaan kepada hawa nafsu, kebendaan, tingkah laku atau pengaruh budaya luar yang merosakkan akidah dan akhlak ummah.

Sebagai umat Islam yang tinggal di sebuah negara majmuk yang aman, kemerdekaan memberi kita ruang untuk mengamalkan ajaran Islam secara bebas, mengimarahkan masjid dan surau, menyebarkan ilmu, menyuburkan nilai kasih sayang dan membina kehidupan yang sejahtera. Daripada Ubaidullah bin Muhsin *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah bersabda:

((مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سِرْبِهِ، مُعَافًى فِي جَسَدِهِ، عِنْدَهُ قُوَّةٌ يَوْمِهِ،
فَكَأَنَّمَا حِيزَتْ لَهُ الدُّنْيَا))

Maksudnya: *Sesiapa di antara kamu yang bangun pada waktu pagi dalam keadaan aman di kampungnya, sihat tubuh badannya, mempunyai bekalan makanan untuk hari itu, maka seolah-olah dunia telah dikumpulkan untuknya." (Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)*

Hadis tadi menjelaskan betapa bernilainya nikmat keamanan dan kestabilan. Keamanan inilah yang membolehkan kita beribadah dengan tenang, mencari rezeki yang halal, dan mendidik anak-anak menjadi generasi pewaris yang berintegriti.

Begitu besarnya nikmat keamanan dan keselamatan juga dapat difahami apabila Allah *subhanahu wata'ala* menjanjikan salah satu daripada ganjaran kepada orang yang beriman adalah ganjaran keamanan yang tiada baginya sebarang ketakutan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 48:

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۚ فَمَنْ ءَامَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (٤٨)

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami utuskan Rasul-rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pembawa amaran; kemudian sesiapa yang beramal soleh, maka tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka tidak akan berdukacita.*

Kaum muslimin yang berbahagia,

Membina sebuah negara bangsa yang maju, bermaruah, dan dihormati di persada dunia memerlukan peranan aktif setiap daripada kita. Kemerdekaan yang diwarisi hari ini adalah hasil pengorbanan para pejuang terdahulu. Tugas kita hari ini adalah mempertahankan warisan berharga ini daripada dicemari oleh elemen-elemen perpecahan, ekstremisme, dan hasad dengki.

Antara tanggungjawab utama kita sebagai warganegara yang prihatin ialah:

Pertama : Memelihara perpaduan ummah.

Perpecahan adalah musuh utama negara. Semangat muhibah, toleransi, dan kasih sayang merentasi kepelbagaian kaum dan budaya di Malaysia mesti terus dipupuk dan diperkukuhkan.

Kedua : Memperkasa integriti dan amanah.

Setiap pekerjaan dan jawatan yang diamanahkan kepada kita sama ada sebagai penjawat awam, pekerja swasta, peniaga, atau pemimpin hendaklah dilaksanakan dengan penuh kejujuran dan sifat *al-Qawiyu al-Amin* iaitu kuat dan boleh dipercayai.

Ketiga : Menolak anasir negatif dan fitnah.

Pada era digital hari ini, keselamatan negara sering digugat oleh berita palsu dan provokasi yang sengaja diapi-apikan untuk melagakan rakyat. Oleh sebab itu, kita mesti menyaring setiap maklumat agar tidak menjadi sebab yang menjejaskan keharmonian negara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Kemerdekaan dan nikmat keamanan negara wajib disyukuri dengan meningkatkan ketaatan kepada Allah *subhanahu wata'ala* serta mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan harian.

Kedua: Umat Islam hendaklah memiliki jiwa merdeka yang tidak mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu dan pengaruh budaya yang merusakkan akhlak.

Ketiga: Kedaulatan dan keharmonian negara perlu dipertahankan melalui perpaduan ummah, integriti yang kukuh, serta penolakan terhadap fitnah dan anasir negatif.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hajj, ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ (٤١)

Maksudnya: *laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berikutan keadaan cuaca berjerebu sehingga tahap tidak sihat menurut Indeks Pencemaran Udara (IPU) di beberapa kawasan, maka agar orang ramai dinasihatkan mengurangkan aktiviti fizikal di luar bangunan, memakai pelitup muka yang sesuai terutamanya untuk golongan yang berisiko tinggi, dan minum air kosong secukupnya. Pada masa yang sama, patuhilah nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Selain itu, teruslah mengimarahkan masjid dan surau secara istiqamah dengan melaksanakan solat fardu berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Kukuhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَالِحًا إِنَّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang mengganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيَكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.